

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Bahasa Arab Tinggi 2361/2 mengandungi 4 bahagian. Calon diwajibkan menjawab soalan bahagian 1 dan 2 dan memilih mana-mana satu daripada bahagian 3 dan 4 dalam tempoh masa yang diperuntukkan selama dua jam tiga puluh minit.

Bahagian 1

Bahagian ini, mengandungi empat soalan (1, 2, 3 dan 4) Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja. Soalan ini merupakan soalan karangan yang terdiri dari pelbagai jenis karangan (fakta, gambaran, pengalaman, cerita, pribahasa dan sebagainya) sama ada bentuk karangan berformat dan tidak berformat.

Calon dikehendaki menulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang dari 150 patah perkataan.

Bahagian 2

Bahagian ini mengandungi 3 soalan (أ، ب، ج). Calon diwajibkan menjawab kesemua soalan dalam bahagian ini, yang merangkumi soalan (الاستيعاب) kefahaman teks dengan 6 soalan.

Manakala soalan ب berkaitan dengan mengeluarkan isi penting dari petikan. Hanya 4 isi sahaja yang perlu dikeluarkan.

Soalan ج berkaitan dengan terjemahan teks dalam Bahasa Melayu ke Bahasa Arab dari satu petikan yang mengandungi lebih kurang 70 hingga 80 patah perkataan.

Bahagian 3

Dalam bahagian ini,terdapat 3 soalan (أ، ب، ج). Semua soalan dalam bahagian ini wajib dijawab oleh calon. Bahagian(أ) mengandungi 5 soalan setiap soalan. Soalan dibahagian ini merangkumi (القواعد) tatabahasa Arab, begitu juga dengan soalan (ب), Soalan ini merangkumi ilmu Balaghah (البلاغة) . Manakala soalan ج berkaitan dengan contoh perumpamaan الحكم والأمثال والنصوص

PRESTASI KESELURUHAN

Pada umumnya calon-calon dapat memahami kehendak soalan yang telah dikemukakan dan dapat menulis jawapan dengan baik. Calon yang cemerlang dapat menggunakan tatabahasa dengan gaya bahasa yang bermutu serta mampu mengetengahkan perbendaharaan kata yang luas dan menepati kaedah tatabahasa Arab dengan baik, setiap fakta akan disokong dengan hujah dan dalil dari nas Al-Quran, Al-hadith dan Al-Hikam wal-Amthal.

Calon sederhana pula dapat memahami soalan dengan baik tetapi kurang penguasaan terhadap kosakata bahasa Arab, tatabahasa serta uslub yang kurang tepat dan ayat yang tidak kemas. Mereka juga didapati tidak tahu menyesuaikan nas atau dalil dengan ujaran ayat yang diguna pakai. Manakala calon yang perestasi rendah, kebanyakan mereka tidak dapat memahami soalan dan kehendaknya dengan jelas, ini menyebabkan mereka menulis

soalan serta fakta atau karangan yang sedia dihafal walau pun tidak ada kaitan dengan tajuk atau tidak menyentuh kehendak soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON.

Calon Cemerlang.

Keseluruhan calon dalam kumpulan ini dapat memahami kehendak soalan dengan jelas, baik dan tepat, berdasarkan kertas jawapan mereka. Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa mereka menjawab soalan dengan jelas dan menepati kehendak soalan dengan menggunakan kaedah tatabahasa Arab serta menggunakan gaya bahasa Arab dengan begitu baik. Jawapan mereka menarik dan dapat mengemukakan fakta dengan jelas, betul berserta dengan dalil-dalil nas dan sebagainya, ini menggambarkan pemikiran mereka yang matang dan kosa kata yang banyak serta pengetahuan yang luas.

Pemerenggan dan tanda baca digunakan dengan tepat dan betul mengikut gaya bahasa Arab, malah terdapat juga jawapan pelajar yang melangkaui tahap pencapaian SPM. Pada keseluruhannya calon dalam kumpulan ini dapat menjawab kesemua soalan dalam semua bahagian dengan tepat dan betul.

Calon Sederhana

Jawapan calon dalam kumpulan ini menepati kehendak soalan dengan penguasaan kemahiran tatabahasa Arab yang baik tetapi mereka tidak dapat menghuraikannya dengan menarik dan tidak dapat mengemukakan dalil dan nas dengan sempurna. Calon ini didapati kurang mahir dalam mengaitkan hujah dan fakta. Terdapat juga pengulangan kepada sesetengah kosa kata dan ayat..

Pemerenggan dan tanda bacaan tidak digunakan dengan sempurna mengikut laras bahasa Arab yang betul.

Calon Lemah

Calon dalam kumpulan ini jelas menunjukkan ketidak fahamnya akan kehendak soalan. Mereka hanya menulis apa yang mereka ingat sahaja tanpa berpandukan kehendak soalan. Kumpulan ini kadangkala menyalin sahaja daripada teks kefahaman ataupun soalan-soalan kedalam kertas jawapan. Mereka juga kerap melakukan kesalahan dalam meletak tanda-tanda bacaan, malah terdapat juga calon yang tidak mampu menulis karangan serta tidak berjaya menjelaskan kehendak soalan.

PRESTASI TERPERINCI

الإنشاء 1 Soalan 1

Tulis sebuah esei berdasarkan tajuk-tajuk berikut. Panjang karangan ini hendaklah tidak kurang daripada 150 patah perkataan.

فوائد الرياضة البدنية (أ) 1

Calon Cemerlang:

Calon dari kumpulan cemerlang dapat menghuraikan pelbagai faedah sukan dengan mengemukakan mukaddimah karangan yang menarik. Calon dapat menghuraikan tajuk serta memberi fakta yang tepat dan disertakan dengan dalil yang betul.

Contohnya:

الرياضة مهمة في الحياة كل الاء تسان . فواجب على كل افراد المجتمع ان يمارس الرياضة في كل اليوم . شجع الاسلام امته للرياضة ومن اجناس الرياضة هي كرة القدم وكره الرنسة وكره السلو و السباحة و امثالها للرياضة البدنية الفوائد كثيرة .


Isi karangan yang diutarakan dapat difahami dengan jelas serta dihuraikan dengan memberi contoh yang sesuai. Bahasa dapat digunakan dengan begitu baik manakala tanda bacaan serta imlak ditulis dengan betul mengikut tatabahasa Arab seterusnya terdapat kesinambungan yang jitu diantara ayat dan perenggan.

Contoh:

من فوائد الرياضة البدنية هي المحافظة على صحة الجسم . قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : المؤمن القوى خير واكثر طابى الله من المؤمن من الضعيف . من هذا الحديث نفردم ان الاسلام يظلم ائمة ان يكون القوى و صحته لى يستطيع ان يعند الله .
ويحارب ذلك الرياضة يدل نذل على الاتعاد من الامراض . كما عرفنا اننا نعشر كذا اليوم في عصر العولمة كثير من الناس ينسى ان يمارس الرياضة . هم يشغلون باعمالهم و كثير من الناس الان يحصلون الامراض المتبوعة مثل السكرى . كما قال الحكماء : الوقاية ساعة خير من الف العلاج . فواجب فعلمنا ان نحفظ ه انفسنا من الامراض بالممارسة الرياضة .

Calon ini juga berjaya menulis penutup atau kesimpulan karangan dengan baik serta merumuskan karangannya dalam satu perenggan.


Contoh:



Calon Sederhana:

Calon dalam kumpulan ini dapat menghuraikan sebahagian dari faedah sukan dengan mengemukakan mukaddimah karangan yang kurang menarik. Calon didapati tidak mampu menghuraikan tajuk serta memberi fakta yang tepat dan tiada dalil yang betul disertakan.

Contohnya:



Isi karangan yang diutarakan tidak dapat difahami dengan jelas serta tidak dihuraikan dengan contoh yang sesuai. Penggunaan bahasa yang kurang tepat dan baik, manakala tanda bacaan serta imlak ditulis dengan salah tanpa mengikut tatabahasa Arab. Kesenambungan isi dan fakta tidak dapat di olah dengan sempurna.

Contoh:

يعني الرياضة البدنية تسلم الأبدان وتدعم العقل وتكون
صوابة جيدة لنا لتبدأ وقت الفراغ. الرياضة البدنية
الرياضة البدنية ايضاً تكون النظام لتدريب الشخص
للدفاع النفس في ساحة حرة مثل وقت حربية او وقت توجه
بالمبارق او في الوقت حرة. بل لا يمكن بالأبدان الصحة، تستطيع
ان توجه تلك الساحة بفعال بصله بسليبه. بفعال'" data-bbox="148 626 795 817"/>

Calon ini juga kurang berjaya menulis penutup atau kesimpulan karangan dengan baik dan tidak merumuskannya dalam satu perenggan.

Contoh:

والرياضة البدنية هو لعب دوزا هاما في تحفظ
صحة البدان ويوجه التخدييات هذه الحصر علينا ان نلتزم و
نمارس الرياضة البدنية في حياتنا.

Calon Lemah:

Calon dalam kategori ini didapati tidak mampu memahami tajuk dan menghuraikan pelbagai faedah sukan. Tiada mukaddimah karangan yang menarik diketengahkan. Calon juga tidak dapat menghuraikan tajuk serta tidak memberi fakta yang tepat dengan dalil yang betul.

Contohnya:

ان الإسلام دين الرياضة البدنية. والإسلام
دين الذي يهتم على الرياضة البدنية. الإسلام يدعو
على كل امته ليعمل الرياضة البدنية. العقل سليم
من الجسم سليم. وهذه الآية تدل على كل مسلم
ليعمل الرياضة البدنية في كل يوم. للحصول الجمع
سليم والعقل سليم. والرياضة البدنية عندنا كثيرا فوائد.

Isi karangan yang diutarakan tidak dapat difahami dengan jelas disebabkan tiada huraian dan contoh yang sesuai dikemukakan. Bahasa tidak digunakan dengan baik termasuk kesalahan yang ketara pada tanda bacaan serta imlak seterusnya tidak terdapat kesinambungan yang padu diantara ayat dan perenggan.

Contoh:

وبالرياضة البدنية، الإنسان في الأرض من هذه الحصول
جسم سليم. وبالجموع سليم، الإنسان للحصول حياة
سعيدة في الأرض. وبالجموع سليم، نحن ليس سهل
للحصول مريض الذي يؤدي إلى الموت. عندنا لي عمل
الرياضة البدنية في وقت المساء مع أسرة للحصول
أسرة سعيدة والجسم سليم.

Calon ini juga tidak menulis penutup atau kesimpulan karangan.

Contoh:

ان الإسلام هو دين سلم الذي يروى
على أمة ليحصل الرياضة البدنية للحصول جسم
سلم في المستقبل. وللحصول حياة سعيدة في المستقبل.

Soalan 2 (أ) الاستيعاب

Calon Cemerlang:

Calon kumpulan ini dapat memahami teks dengan baik dan sempurna maksud perkataan, tatabahasa dan uslub atau laras bahasa. Calon ini dapat memahami dengan tepat kehendak soalan yang dikemukakan. Jawapan yang diberi juga menepati kehendak soalan.

Contoh jawapan kefahaman yang baik dari aspek mukaddimah dan isi jawapan:

السؤال الثاني	
١- ما المناسبة التي ألقى فيها المدير الخطبة؟	
المناسبة التي ألقى فيها المدير الخطبة هو	
حلول العام الهجري الجديد .	
٣ ما هي متطلبات الهجرة في هذه الأيام؟	
متطلبات الهجرة في هذه الأيام	
لنشر الدعوة والجهود لتحصيل العلم .	
٥ ج. تتقدم الأمة؟	
تتقدم الأمة بمعرفة علوم العصر .	

Calon Sederhana:

Bagi calon kumpulan ini, penguasaan mereka dari aspek tatabahasa kurang memuaskan. Hal yang demikian mendorong calon melakukan kesalahan dalam memberi jawapan.

١	ما المناسبة التي ألقى فيها المدير الخطبة ؟ وهذه المناسبة تذكرونا بهجرة الرسول صلى الله عليه وسلم .
٣	ما هي متطلبات الهجرة في هذه الأيام ؟ للعمل من أجل الاسلام فحلينا أن نذكر كيف نعد أنفسنا لأداء هذه المهمة .
٥	م تتقدم الأمة ؟ وقد تقدم المسلمون قدما حائلا بعد إتخاذ المدينة .

Contoh jawapan pemahaman yang kurang memuaskan dari aspek tatabahasa:

١	ما المناسبة التي ألقى فيها المدير الخطبة ؟ التي فيها المدير الخطبة تذكرونا بهجرة الرسول الله صلى الله عليه وسلم من مكة المكرمة الى المدينة المنورة .
٣	ما هي متطلبات الهجرة في هذه الأيام ؟ متطلبات الهجرة في هذه الأيام هي تتطلب هذا أن تبدلوا قضايا جهديكم في تحصيل العلم .
٥	م تتقدم الأمة . ولن تكون أمة متقدمة بدون معرفة علوم العصر . فتعاونوا فيها بينكم .

Calon Lemah

Calon kumpulan ini kerap melakukan pelbagai kesilapan dan kesalahan yang menggambarkan mereka tidak memahami petikan dan soalan yang dikemukakan.

Contoh jawapan pemahaman yang tidak menepati kehendak soalan serta mengabaikan mukaddimah bagi jawapan:

Soalan 2 (ب) Mengeluar Isi-Isi Penting استخراج الافكار

Calon Cemerlang:

Calon cemerlang dapat membaca dan memahami kesemua petikan soalan yang dikemukakan disamping dapat mengenal pasti isi penting sebagaimana yang diminta. Isi penting yang dikeluarkan adalah tepat, jelas dan padat serta betul pula tatabahasa dan laras ayat.

1	اربع الافكار: الدنيا صفتان حو حلوة و حنرة .
2	خلق الله الدنيا لتكون الانسان فيها خليفة
2	ان الله سينظر الى اعمال الناس سواء كانت مطابقة او مخالفة لإرادته .
4	النساء من مغتن الكبري للرجال في الدنيا .

Calon Sederhana:

Calon kumpulan ini dapat membaca teks soalan dengan baik tapi tidak dapat memahami sepenuhnya. Oleh itu mereka hanya menyalin ayat-ayat dalam petikan dan menjadikannya sebagai fakta

Contoh:jawapan calon sederhana.

1	كانت الدنيا على حالتها الصفتين كان من التأكيد ان يسيط الناس اليها ويلبوا بها .
2	ولكن الله لم يخلق الدنيا لمجرد هذا الغرض بل ليكون الانسان فيها خليفة .

٢	وذلك أكد الرسول صلى الله عليه وسلم أن الله سينظر إلى أعمال الناس في هذه الدنيا .
٤	وكان أول ابتلاء الله لهم النساء فلم يفتلوا أنفسهم بجاهن .

Calon Lemah:

Calon lemah tidak dapat membaca petikan yang diberi dengan betul serta tidak dapat memahaminya. Oleh sebab itu mereka selalunya menyalin sahaja ayat-ayat dari petikan tanpa mengambil kira betul atau salah.

Contoh:jawapan calon lemah.

١	هذا العرض بل ليكون الانسان فيها خليفة
٢	اعمال الناس في الدنيا .
٢	اما ان تكون مطابقت لا رادته عز وجل .
٤	ان يجذروا من الافتتان بالنساء حتى لا يهلكوا كما طلت بنو اسرائيل من قبل .

s di kedua-dua belah muka surat

ART

Soalan 2 (ج) الترجمة. Terjemahan teks.

Calon Cemerlang:

Calon kategori ini dapat menterjemah kesemua petikan yang disediakan dengan gaya bahasa Arab yang menarik serta tatabahasa yang betul dan tepat.

Contoh terjemahan yang cemerlang:

الهدف الأول

الهدف الأول من التربية في الدين الاسلامي هو اخراج
المخرب ل انسان صالح يحرف ربه جيداً ، والعبارة اليه
مع طاعة الشريعة دائماً والاعتصام بحقيقة مستقيمة
حددها الله سبحانه وتعالى .

لذلك أوجب الاسلام على الأمة طلب العلم لا
سيما العلوم الدينية مثل دراسة علم التوحيد والحديث
والفقه والتفسير والعلوم الأخرى يحمل الانسان الى
معرفة ربه مع معرفة الأحكام التي تتعلق بالعبارة
يومية .

بجانب العلوم الدينية مثل علم الطب وعلم
الزراعة ، علم التكنولوجيا وغيرها يمكن للانسان ان
يحيش على الأرض حياة طيبة .

Calon Sederhana:

Calon kategori ini dapat menterjemahkan kesemua perkataan dalam petikan yang disediakan dengan gaya bahasa yang kurang menarik serta tatabahasa yang salah atau kurang tepat.

Contoh terjemahan yang kurang baik

دور الدرس في الإسلام هو لوجود الدينان

صالح الذي يعلم ربه و يعمل العبادة اليه .

ويعمل إلى شريعة و يعمل بصحيح العقيدة

الذي يعمل يجعل من الله سبحانه وتعالى

وبذلك ، اوجب علم اسلام / الإسلام إلى امته
 لطلب العلم الدين كالمطلب العلم للتوحيد
 توحيد الدين ، الفقه ، التفسير و غير العلم
 الذي يؤدي الإنسان إلى يعلم ربه و يعلم
 الأحكام التي من عبادة / العبادات يومياً
 وعلمه و العلم و علم الدنيا و كالمعلم الشفاعة
 و علم مهد الحمود و علم تكنولوجيا التكنولوجيا و غيره
 الذي يساعد الإنسان لحياة يحيد على الأرض

Calon Lemah:

Calon lemah tidak dapat menterjemahkan petikan yang disediakan. Mereka selalunya menterjemah perkataan yang diketahui sahaja dengan diselangi perkataan Bahasa Melayu, malah kadang kala mereka menyalin semula keseluruhan petikan soalan.

Contoh terjemahan yang lemah.

المثلاصة واحد الدراسة في اسلام هي
 ملاهيكن الانسان التي الصالح يخ كان محضالي الله
 وعبارة الى الله بوسنتياس مما توي الشريعة ورفكغ
 دعت العفيرة التي ان تة وبتقن من الله سبحانه وتعالى
 سجاير بالهذه اسلام الواجب امي منونوت
 علم واحد علم . علم باسلام مثال علم توحيد ، حديث
 فقه تفسير ولاين علم التي مماوا الانسان الى محضالي
 الله ، ومختاوي حكم حكم بح كائنا بالعبادة في يوم
 مناكل علم الدين فولا المثال علم فراوتنا ، علم
 فرتانينا علم تكنولوجيا ولاين ، دان محولكن الانسان
 / حياة ليه نسليسا في الارضنا .

SOALAN 3 dan 4 (Tatabahasa) القواعد

Calon Cemerlang:

Calon cemerlang dapat memahami kehendak soalan dengan jelas dan dapat menjawab dengan betul dan tepat mengikut kehendak soalan tanpa menyalahi kaedah tatabahasa

Contoh jawapan cemerlang.

Contoh1

كون ما يأتي :	
جمله اسمية الخبر مقدم على المبتدأ .	١
في المكتبة كتب / اكتب	
جمله فيها ان أو أحدى اخواتها	٢
ان الطالب ناجح	
جمله فعلية فيها مفعول به موصوف	٤
شرب الرجل الماء الحار	

Contah 2

السؤال الرابع	
استخدم التراكيب الآتية في جمل مفيدة ينصح معناها	٢
جدير بالذكر :	١
جدير بالذكر أن الايمان مهم .	
لا سيما :	٢
أحب الفواكه الحلية لا سيما دوريان	
مدير الشركة .	٤
والدى مدير الشركة .	

Calon Sederhana:

Calon yang berada pada tahap sederhana pula mereka hanya dapat memahami sebahagian soalan yang dikemukakan dan tidak dapat menjawab dengan sepenuhnya. Contoh jawapan calon sederhana.

Contoh 1:

١	جملة اسمية الخبر مقدم على المبتدأ - المسطوح في المسجد
٢	جملة فيها إن أو إحدى أحوالها - إن الطالبون ناجحون
٤	جملة فعلية فيها مفعول به موصوف مدح المحترم طالب المدرسة

Contoh 2:

١	جدير بالذكر: نحن جدير بالذكر بالعبادة بحمد الاسلام
٢	لا سيما: اللغة العربية لا سيما صحب
٤	مدير الشركة: مدير الشركة في الهجرة المدير

Calon Lemah:

Calon yang lemah tidak dapat memahami kehendak soalan justeru mereka tidak dapat menjawab dengan memuaskan, kadang kala mereka hanya menyalin semula soalan dari petikan yang dianggap sebagai jawapan.

Contoh jawapan (i)

١	جملة اسمية. الخبر مقدم على المبتدأ. يجلس الغالب في الفصل.
٢	جملة فيها إن أو إحدى أحوالها. إن الله تعلمون بصير.
٤	جملة فعلية فيها مفعول به مومنون إنك محمد الرزق في وقت ليلا

Contoh jawapan (ii)

١	جدير بالذكر: جدير بالذكر لله كثره
٤	مدير الشركة: مدير هذا الشركة
٢	لا سيما: لا سيما غير فوائد لكم

SOALAN 3 dan 4 (ب) البلاغة

Calon Cemerlang:

Calon kumpulan ini dapat memahami arahan soalan dengan jelas. Mereka dapat menjawab dengan begitu baik semua soalan yang dikemukakan serta mengikut format yang betul.

Contoh: jawapan calon cemerlang.

	فات مثالا :	
١	اسلوب خبري انكاري . والله ان الشمس طالعة	
٢	المقابلة كدر الجماعة خير من هذالفرقة	
٥	اسلوب القصص : لا اله الا الله / انما المؤمنون اخوة	

Calon Sederhana

Calon kumpulan ini tidak dapat memahami arahan soalan dengan baik justeru jawapan mereka kurang tepat dan tidak memenuhi kehendak soalan. Malah kadang kala mereka menjawab 3 atau 4 daripada 5 soalan yang diberi

Contoh:

١	اسلوب خبري انكاري والله قد الانسان في حسر	
٣	المقابلة : وانه هو اضحك وانكبي	
٥	اسلوب القصص : ان محمد رسول الله	

Calon Lemah:

Calon kategori ini selalunya tidak memahami arahan soalan. Jawapan mereka hanya dengan menulis apa-apa yang mereka tahu dan lebih malang lagi ada antara mereka yang tidak menjawab langsung.

Contoh

	اسلوب خبر انكاري	
	ان الله مع الذين يؤمنون	
٣	المقابلة . له ما في السموات وما في الارض	
٥	اسلوب القصر الانسان بآدابه	

ia belah muka surat ABTC

النصوص/ الحكم والأمثال (د) 4 dan 3 SOALAN

Calon Cemerlang:

Calon kumpulan ini dapat memahami arahan soalan dengan jelas. Mereka dapat menghurai faedah dari perumpamaan dengan jelas

Contoh:

	عقوبة الكمبيوتر مرهونه بها حبه	
	عقوبة هذا الجهاز يتوقف على من ستخدمه	
	ان احسن فحسن وان اساء فلا	

Calon Sederhana

Calon kumpulan ini dapat memahami arahan soalan dengan baik namun mereka tidak dapat mengolah jawapan yang baik dan tepat memenuhi kehendak soalan. Contoh:

Contoh: jawapan calon sederhana.

ج) عبقرية الكمبيوتر مرهونه بصاحبه
- إن الكمبيوتر كثيرا دورا لها علينا.
- التكنولوجيا عند كثيرا دورا علينا.

Calon Lemah:

Calon kategori ini selalunya tidak memahami arahan soalan. Jawapan mereka biasanya tidak dapat mengemukakan faedah perumpamaan secara jelas. Mereka selalunya menjawab secara serkap jarang malah lebih malang lagi ada antara mereka yang tidak menjawab langsung.

Contoh: jawapan calon lemah.

عبقرية الكمبيوتر مرهونه بصاحبه
الكمبيوتر صاحبه مرهونه عبقرية
وهو مفيدة كثيرة

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu mematuhi arahan soalan, baca semua soalan esei. Catat isi-isi penting pada kertas soalan. Pilih soalan yang paling dikuasai isinya untuk dijawab.
2. Calon perlu membahagikan masa menjawab serta mematuhiinya. Calon tidak boleh memberi tumpuan hanya pada karangan sahaja sehingga menghabiskan banyak masa yang akibatnya tidak boleh menjawab soalan-soalan bahagian lain.
3. Penggunaan bahasa yang tepat perlu diberi perhatian serius agar dapat menghasilkan jawapan yang baik. Calon perlu merujuk kamus dan buku tata bahasa untuk menambah dan memantapkan pengetahuan bahasa dan tata bahasa.
4. Calon perlu membaca contoh-contoh karangan dari buku, majalah dan lain-lain sebagainya serta menuliskannya semula supaya dapat menambah kosa kata Arab.
5. Calon perlu perihatin terhadap aspek tulisan dan ejaan semasa menjawab soalan agar tulisan lebih jelas dan kemas.
6. Calon disarankan membuat banyak latihan sendiri menggunakan soalan peperiksaan tahun-tahun sebelumnya.
7. Calon hendaklah melibatkan diri dalam sebarang aktiviti bahasa Arab

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru wajib mengetahui kandungan sukatan pelajaran dan menganalisisnya untuk tujuan perancangan dan penyediaan bahan P&P.
2. Guru perlu mempelbagaikan teknik dan kaedah pengajaran untuk membantu pelajar menguasai dan menggunakan kemahiran-kemahiran yang penting dalam penulisan.
3. Guru perlu memberikan perhatian yang lebih kepada pelajar-pelajar yang lemah dalam Bahasa Arab dengan memberi latihan pemulihan yang sewajarnya agar pelajar tersebut dapat membina ayat-ayat yang mudah.
4. Guru perlu mendedahkan teknik menjawab soalan agar pelajar dapat menjawab dengan baik.
5. Guru perlu menghadiri kursus atau bengkel latihan pemeriksaan skrip yang dianjurkan oleh LPM atau mana-mana pihak yang berkenaan.
6. Guru hendaklah merancang aktiviti Bahasa Arab dengan lebih kerap agar pelajar dapat mendapat pendedahan dan melibatkan diri dengan aktif.